

lokal

Kren jatuh atas bumbung flat

Penduduk Desa Rejang rayu pembaikan segera elak rumah dimasuki hujan pada tengkujuh ini

Oleh Nor Akmar Samudin
am@mediaprima.com.my

Setapak

“Selagi pihak terbabit tidak memperbaiki kebocoran pada bumbung flat ini, saya bimbang keselamatan dan tidak akan membuat sebarang persiapan menyambut perayaan Deepavali tidak lama lagi,” kata penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Rejang, Thavamalar, 49.

Rumah beliau yang terletak di tingkat 19 flat blok D mengalami kerosakan teruk pada bumbung kerana kren yang digunakan untuk pembinaan tempat letak kereta bertingkat bersebelahan bloknya tiba-tiba terjatuh atas bumbung flat akibat ribut, Selasa lalu.

Insiden itu menyebabkan seluruh rumahnya ditenggelami air melebihi paras buku lali.

“Sejak kejadian ribut itu, jika cuaca mendung, saya sangat risau kerana apabila hujan bumbung bocor dan rumah saya akan dimasuki air.

“Nasib baik tempat kerja saya hanya 15 minit perjalanan dari rumah. Apabila hari nak hujan, saya segera balik.

“Anak bongsu pula ting-



THAVAMALAR menunjukkan bumbungnya yang rosak akibat ribut.

gal bersendirian di rumah kerana kakak dan abangnya bekerja, jika hari mendung anak saya akan berasa takut,” katanya yang ditemui di rumahnya, semalam.

Beliau sudah 12 tahun menetap di flat itu.

Sebelum ini, kata Thavamalar, beliau bercadang mahu mengecat dan menghias rumah sempena sambutan Deepavali pada 27 Oktober ini.

“Tetapi sekarang selagi bumbung tidak dibaiki, saya tidak boleh buat apa-apa. Pada musim perayaan ini

nampaknya kami sekeluarga tidak boleh pergi bercuti ke mana-mana,”katanya.

Beliau berkata, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) beritahu akan menanggung kos membaiki pulih bumbung flat perumahan awam yang terjejas itu tetapi belum memaklumkan bila kerja akan dilakukan.

“Saya sangat berharap mereka dapat segera melakukan pembaikan kerana sekarang musim hujan,” katanya.

Seorang penduduk yang enggan dikenali berkata, setelah di rumah pada petang kejadian, beliau terkejut dan menggigil melihat dinding atas tingkap biliknya berlubang seperti terkena

lontaran bom.

“Batu bata jatuh berselerakan atas katil dan saya tak pasti disebabkan apa, mungkin kerana panahan petir.

“Pemampat pendingin hawa dari rumah atas pula bergantung depan tingkap bilik saya,” katanya.

Kata beliau, sementara menunggu DBKL membaiki pulih rumahnya, beliau hanya menutup dinding berlubang itu dengan plastik dan tingkap juga tidak boleh dibuka kerana strukturnya senget.

“Jika hujan lebat, ia bocor dan keadaan itu membuatkan saya berasa tidak selesa. Kebanyakan rumah yang rosak teruk berada di hujung blok flat ini,” katanya.

Insiden itu turut mengakibatkan sebahagian atap di perumahan awam itu menghempap lima kenderaan.



DINDING rumah penduduk yang rosak.

BUMBUNG Blok D Flat Desa Rejang rosak akibat ribut pada Selasa lalu.